



## **PERANAN SEKTOR PELANCONGAN DALAM MENINGKATKAN PENDAPATAN GOLONGAN WANITA ORANG ASLI**

### *THE ROLE OF TOURISM SECTOR IN INCREASING THE INCOME OF ORANG ASLI WOMEN*

Rohayu Roddin<sup>1\*</sup>, Yusmarwati Yusof<sup>2</sup>, Marina Ibrahim Mukhtar<sup>3</sup>, Khairul Hisyam Kamarudin<sup>4</sup>, Tun Ili Ayuni Ahmad Hariri<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM)

Email: rohayu@uthm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM)

Email: marwati@uthm.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM)

Email: marina@uthm.edu.my

<sup>4</sup> UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology (UTM)

Email: khisyam.kl@utm.my

<sup>5</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (UTHM)

Email: iliyuni87@gmail.com

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 25.08.2021

Revised date: 01.09.2021

Accepted date: 08.09.2021

Published date: 10.09.2021

##### **To cite this document:**

Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Kamarudin, K. H., Hariri, T. I. A. A. (2021). Peranan Sektor Pelancongan Dalam Meningkatkan Pendapatan Golongan Wanita Orang Asli. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (24), 30-38.

#### **Abstrak:**

Masalah kemiskinan merupakan masalah utama yang membelenggu komuniti Orang Asli sejak dahulu lagi. Sektor pelancongan merupakan satu sektor yang dapat menyumbangkan pendapatan kepada golongan ini tanpa perlu mengeluarkan modal yang besar. Peranan golongan wanita di dalam proses pembangunan masyarakat dilihat sebagai satu jalan penyelesaian yang holistik di mana mereka dilihat mampu menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat dan negara. Melalui sektor pelancongan, wanita dalam kalangan orang asli mampu memasarkan produk, kemahiran dan kebolehan mereka melalui penghasilan kraftangan dan persembahan kebudayaan. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan memberi tumpuan kepada wanita dari suku kaum Mah Meri di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Selangor. Lokasi ini dipilih kerana pengembangan, penyediaan kemudahan dan pemusatan aktiviti pelancongan banyak dilaksanakan di sini. Responden yang dipilih telah terlibat secara aktif dalam penghasilan kraftangan dan aktiviti kebudayaan. Dapatan kajian menunjukkan sektor

DOI: 10.35631/JTHER.624004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



pelancongan mampu membawa perubahan yang besar di mana golongan wanita suku kaum orang asli Mah Meri dapat meningkatkan pendapatan mereka berbanding sebelum menyertai sektor ini. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan peranan sektor pelancongan dalam meningkatkan pendapatan golongan wanita Orang Asli.

**Kata Kunci:**

Kemiskinan, Pelancongan, Wanita Orang Asli

**Abstract:**

The problem of poverty is a major problem that has plagued the Orang Asli community since a long time ago. The tourism sector is seen as a sector that can contribute income to this group without having to spend large capital. The role of women in the process of community development is seen as a holistic solution where they could be able to contribute to the progress and development of society and the country. Through the tourism sector, women from the community Orang Asli are able to market their products, skills, and abilities through the production of handicrafts and cultural performances. The study was conducted qualitatively by focusing on women from the Mah Meri tribe in Kampung Sungai Bumbun, Carey Island, Selangor. This location was chosen because the expansion, provision of facilities, and centralization of tourism activities are widely implemented here. The selected respondents are those who have been actively involved in the production of handicrafts and cultural activities. The findings of the study show that the tourism sector is able to bring significant changes where the women of the Mah Meri can increase their income compared to before joining the tourism sector. Through this study, it is hoped to provide a clear view of the role of the tourism sector in increasing the income of Orang Asli women.

**Keywords:**

Poverty, Tourism, Orang Asli Women

## Pengenalan

Industri pelancongan meliputi semua pertubuhan di mana aktiviti utamanya adalah berkaitan dengan aktiviti yang berteraskan pelancongan. Sehubungan itu, industri pelancongan adalah sekumpulan pertubuhan yang mempunyai aktiviti utama yang sama dan menawarkan perkhidmatan kepada pelawat secara terus dan salah satu aktivitinya bercirikan pelancongan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020)

Pelancongan dianggap sebagai satu strategi pembangunan yang mudah dan cepat untuk mendapatkan tukaran wang asing berbanding dengan strategi pembangunan yang lain kerana sumber-sumber pelancongan telah tersedia di sesebuah destinasi. Malahan penduduk tempatan juga berupaya menjadi aset pelancongan yang dapat menarik perhatian pelancong ekoran adanya keunikan budaya, cara hidup dan adat resam. Komuniti di negara-negara membangun menggunakan sumber-sumber yang terdapat dalam komuniti mereka sendiri bertujuan untuk mewujudkan peluang bagi meningkatkan pendapatan rakyat (Kementerian Kewangan, 2018).

Sebagai contoh, penempatan Orang Asli Mah Meri di kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey terkenal sebagai pusat tumpuan pelancong kerana menyediakan pelbagai aktiviti berkaitan suku kaum serta mengeluarkan pelbagai produk bermutu hasil kerja tangan penduduknya. Malah produk yang dihasilkan mendapat pengiktirafan dari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) kerana keunikannya. Kewujudan Kompleks Kampung Budaya dan Pusat Kraf tangan di kawasan penempatan mereka telah menggalakkan lagi aktiviti pelancongan. Justeru bidang pelancongan adalah salah satu pendekatan yang dilihat berupaya menjana sumber pendapatan bagi kaum Orang Asli khususnya, termasuk golongan wanita.

Walaubagaimanapun, kemunduran dan kemiskinan dikenal pasti sebagai satu cabaran utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam usaha membangunkan komuniti Orang Asli secara berkesan. Kemiskinan dalam kalangan Orang Asli dikatakan turut memberi sumbangan besar kepada data kemiskinan negara secara umumnya. Walaupun masyarakat Orang Asli ini masih lagi di belenggu kemunduran tetapi mereka sememangnya kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian dan sudah tentu juga kemahiran dalam keusahawanan (Roddin, 2017). Seperti wanita suku kaum Mah Meri mereka mempunyai kelebihan dari segi kebudayaan dan kraftangan. Mereka banyak terlibat dengan aktiviti pelancongan melibatkan persembahan kebudayaan dan penjualan hasil kraftangan (Roddin, 2016).

Oleh itu, artikel ini membincangkan peranan pelancongan dalam meningkatkan penglibatan wanita orang asli terutamanya dari suku kaum Mah Meri. Melalui pelancongan sekaligus menunjukkan bahawa wanita mempunyai kelebihan yang boleh diketengahkan dalam masyarakat ini. Wanita adalah sebagai pihak pelaksana dan penglibatan mereka perlu dikaji secara mendalam agar kejayaan mereka dapat menjadi model yang baik kepada wanita suku kaum yang lain.

### **Cabaran Masyarakat Orang Asli dan Peranan Pelancongan Terhadap Mereka**

Cabaran yang sering dihadapi oleh masyarakat Orang Asli adalah kemiskinan dan isu ini merupakan salah satu faktor penyumbang kepada isu pembangunan mereka serta kesihatan dan juga pendidikan (Roddin, 2020). Bukan sahaja itu, masyarakat Orang Asli turut dilabelkan sebagai golongan masyarakat yang terlalu bergantung kepada kerajaan untuk membantu mereka. Seterusnya, sikap mereka adalah seorang yang pemalu, rendah diri, tidak menghayati cara budaya bekerja produktif, lemah dalam berdaya tahan bagi menempuh persaingan serta cabaran luar dan kurang mempunyai keyakinan diri (Roddin et al., 2018). Bagi masyarakat Orang Asli yang berada di pedalaman dan jauh dari kawasan kegiatan ekonomi dilihat mempunyai peluang pekerjaan yang kurang menarik dari sudut pendapatan dan peluang perkembangan kerjaya. Cabaran ini akan terus menjadi penghalang bagi mereka menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi yang produktif sebaliknya akan terikat dengan amalan ekonomi tradisional.

Oleh itu, telah menjadi agenda pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk memastikan setiap masyarakat Orang Asli untuk mengetahui dan mempunyai ilmu dalam bidang keusahawanan sebagai pemangkin kepada peningkatan sosioekonomi mereka. Pihak JAKOA telah menyusun pelbagai latihan dan kerjaya sebagai usahawan yang bersesuaian dengan kebolehan dan minat Orang Asli. Usaha ini masih berterusan sehingga kini melalui Pelan Strategik JAKOA 2016-2020. Terdapat ramai masyarakat Orang Asli mula menceburi diri dalam bidang keusahawanan seperti peruncitan, ternakan, perladangan, pengangkutan,

kraftangan, pelancongan dan sebagainya (MAMPU, 2018). Namun, dewasa ini telah menjadi isu hangat diperkatakan tentang bidang yang lebih sesuai dengan masyarakat Orang Asli iaitu bidang pelancongan sama ada eko-pelancongan atau agro-pelancongan (Bernama, 2019, para 1). Ini kerana majoriti masyarakat Orang Asli sangat selesa dengan alam sekitar walaupun arus permodenan semakin meningkat. Secara tidak langsung ia dapat menarik minat pelancong untuk meneroka tempat-tempat semulajadi termasuk penempatan masyarakat Orang Asli yang dapat memperkenalkan budaya dan warisan masyarakat tersebut kepada pelancong (Roddin et al 2019). Justeru itu, keusahawanan berasaskan pelancongan dilihat mampu membantu komuniti orang asli termasuk golongan wanita dalam menyumbang sumber pendapatan keluarga.

Dalam mengetengahkan aspek pelancongan di kalangan Orang Asli, terdapat beberapa kaum Orang Asli yang berjaya dalam bidang pelancongan dan salah satunya adalah suku kaum Mah Meri di Pulau Carey Selangor. Pulau Carey adalah salah satu lokasi pelancongan yang menjadi tarikan pelancong sama ada daripada dalam mahupun luar negara ekoran adanya tarikan pelancongan melibatkan resort, budaya dan seni warisan masyarakat Orang Asli termasuk keindahan pantainya. Wanita dalam suku kaum ini sangat aktif dalam kegiatan kebudayaan seperti persembahan tarian dan penghasilan kraftangan. Merujuk kepada sumbangan kaum wanita ini, mereka mampu menjana pendapatan sendiri hasil dari aktiviti kebudayaan yang telah berjaya menarik pelancong ke penempatan mereka. Justeru, pelancongan dilihat memainkan peranan penting dalam meningkatkan pendapatan suku kaum Orang Asli termasuk golongan wanita (Roddin, 2016).

Terma Pelancongan ialah gerakan sementara oleh manusia ke destinasi lain di luar tempat kerja dan tempat tinggalnya yang biasa, kegiatan yang mereka lakukan selama tinggal di destinasi tersebut dan kemudahan yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka (Saputri, 2020).

Malaysia adalah salah satu negara yang inginkan sektor pelancongan berkembang pesat kerana ianya mampu menjana pendapatan negara. Satu alasan untuk kerajaan di serata dunia menyokong pelancongan di negara mereka kerana industri ini berkeupayaan menghasilkan ruang pekerjaan yang sentiasa berkembang. Oleh itu pelancongan yang berasaskan eko pelancongan dan agro pelancongan yang melibatkan komuniti Orang Asli juga turut menjadi perhatian bidang pelancongan pada masa kini. Ini kerana aktiviti pelancongan berasaskan komuniti Orang Asli boleh memenuhi keperluan dalam agenda Teras Strategik Ekonomi Mampan dan Seni, Budaya dan Warisan yang merupakan antara program yang dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli daripada pihak JAKOA (JAKOA 2016).

Sebagai industri intensif buruh, pelancongan mempunyai keupayaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan untuk sebilangan besar masyarakat yang mempunyai tahap kemahiran yang berbeza, daripada eksekutif peringkat atasan, separuh mahir dan tidak mahir (Sharma, 2019). Masyarakat Orang Asli mempunyai kelebihan yang tersendiri di mana kelebihan ini boleh digilap sebagai salah satu tarikan kepada pelancong. Antara kelebihan yang ada dalam komuniti ini adalah persembahan kebudayaan seperti sewang serta, seni dan kreativiti dalam hasil kraftangan yang turut menjadi tarikan dalam komuniti ini. Manakala alat muzik berserta dengan nyanyian dan tarian turut menjadi tarikan pelancongan (Mohd Shah et al., 2018)

Akibat daripada aktiviti pelancongan ini telah memberi ruang untuk menghasilkan sumber pendapatan dan seterusnya meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Merujuk kajian yang

dilaksanakan oleh Roddin et al, (2018), yang dilakukan ke atas komuniti suku kaum Bateq di Kampung Jeram Dedari menunjukkan bahawa kesan pembangunan pelancongan telah membawa perubahan positif terhadap transformasi fizikal, sosial dan ekonomi mereka. Walaupun perubahan ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan komuniti lain, namun penerimaan dan usaha mereka untuk pelancongan telah menunjukkan perkembangan yang baik bagi satu komuniti yang terpinggir dari pelbagai aspek seperti pendidikan, kemudahan dan pembangunan. Di samping itu, ekoran adanya aktiviti pelancongan dapat menggalakkan mereka untuk mengekalkan keaslian budaya hidup mereka sebagai salah satu tarikan pelancongan yang secara tidak langsung dapat melestarikan sumber jaya mereka. Selain itu, melalui penghasilan kraf tangan, dapat meningkatkan kemahiran mereka dan mengekalkan keistimewaan kraf yang mereka ada selain menyumbang kepada peningkatan pendapatan komuniti. Bagi komuniti ini, ia memerlukan pemantauan dari pihak kerajaan secara berterusan agar apa yang mereka kecapai akan berkekalan. Melalui pelancongan Komuniti Orang Asli mampu berdikari dalam menjana pendapatan keluarga.

Secara umumnya, ini menunjukkan pelancongan dapat memberi peluang pekerjaan yang menjadi satu sumber pendapatan kepada masyarakat Orang Asli. Melalui usaha dan penglibatan mereka juga telah membuka ruang kepada kerajaan dengan menganjurkan karnival usahawan dan kebudayaan Orang Asli bagi mempromosi produk keluaran Orang Asli dan kebudayaan mereka kepada masyarakat umum (JAKOA, 2016). Melalui karnival ini, ia mampu menyediakan platform dan peluang kepada masyarakat Orang Asli memperkenalkan produk, kebudayaan, kemahiran dan kebolehan mereka secara terbuka malah turut meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan Orang Asli dan membentuk perspektif yang positif masyarakat umum ke atas masyarakat tersebut. Ini menunjukkan bahawa peranan pelancongan bukan sahaja melestarikan budaya masyarakat Orang Asli malahan membentuk pelbagai kemahiran dalam usaha menarik lebih ramai kedatangan pelancong.

### ***Kebolehan Wanita Orang Asli Terhadap Aktiviti Pelancongan***

Peranan golongan wanita dalam membasmi kemiskinan di dalam komuniti Orang Asli menjadi satu langkah yang perlu dijadikan tumpuan. Pandangan negatif terhadap golongan wanita sebagai golongan yang tidak mampu untuk membangunkan diri dan komuniti mereka sendiri perlu ditepis. Perlu diketahui bahawa perkembangan pesat ekonomi negara kini menggamit lebih ramai wanita untuk melibatkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan. Seiring golongan lelaki, keterlibatan golongan wanita juga di dalam bidang keusahawanan dilihat sebagai sesuatu yang positif dalam turut serta membasmi kemiskinan dan menerajui pembangunan komuniti mereka sendiri. Oleh itu, salah satu pilihan penempatan Orang Asli yang memiliki majoriti kaum wanita sebagai penyumbang utama dalam aktiviti pelancongan adalah di penempatan Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey.

Satu kumpulan wanita yang dinamakan Tompoq Tompoh telah ditubuhkan sejak tahun 2005 iaitu gelaran yang digunakan sebagai projek usahasama penghasilan kraftangan kaum Mah Meri (Asri et al, 2018). Kumpulan ini terdiri daripada 20 orang ahli daripada kalangan golongan wanita suku kaum Mah Meri yang kesemuanya merupakan suri rumahtangga. Mereka ini tidak mendapat pendidikan yang sempurna, malah mereka lebih memilih untuk berada di rumah dan menjaga keluarga mereka. Walaubagaimanapun, mereka berusaha untuk menambah pendapatan sampingan keluarga dengan melakukan kerja sambil setelah selesai kerja-kerja rumah. Antara aktiviti sampingan tersebut adalah anyaman seperti tenunan kantung sirih, tikar dan bakul (Asri et al, 2018). Kemahiran ini telah lama bertapak di dalam diri mereka

yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Penghasilan kraf tangan mereka telah menarik minat pelancong bukan sahaja dalam negara malah di luar negara juga datang untuk melihat dan membeli kraf tangan tersebut. Selain itu golongan wanita suku kaum Mah Meri turut terlibat dalam program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang turut mempromosikan produk, kemahiran dan kebolehan mereka kepada pelancong. Program ini telah membuka peluang kepada mereka untuk menyertai demonstrasi dan pameran di peringkat tempatan dan antarabangsa (Roddin, 2016). Justeru secara tidak langsung ia telah mempromosikan kekuatan wanita suku kaum Mah Meri yang menyebabkan mereka lebih terkenal.

Pembinaan kemahiran berdasarkan pengalaman golongan wanita suku kaum Mah Meri dalam bidang keusahawanan jelas diperoleh daripada penyertaan dalam pelbagai jenis program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak dalam mahupun luar negara. Mereka juga meluaskan pergaulan dengan peserta-peserta lain di dalam penganjuran tersebut yang membuatkan mereka memperoleh pengetahuan dan idea baru tentang penghasilan kraf tangan. Penerimaan dan pendedahan yang diperoleh oleh golongan wanita suku kaum Mah Meri telah banyak memberi faedah kepada mereka untuk berjaya. Ini jelas menunjukkan hubungan yang wujud antara pelancongan dan kemahiran suku kaum wanita Mah Meri telah memberi pulangan positif dari aspek ekonomi yang membuatkan mereka lebih berusaha dalam membantu ekonomi keluarga.

### Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif di mana kaedah temu bual merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini disokong dengan pemerhatian dan dokumentasi. Setiap peserta yang dipilih mempunyai kemahiran anyaman dan tarian. Kemahiran ini telah diwarisi turun-temurun dari nenek moyang mereka. Peserta dipilih kerana faktor latar belakang mereka yang merupakan peserta yang pernah terlibat diperingkat awal pengembangan sektor pelancongan di Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Selangor dan termasuk mereka yang masih aktif sehingga sekarang. Jadual 1 menunjukkan latar belakang peserta kajian ini.

**Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian**

Bil.	Peserta Kajian	Tahap Pendidikan	Kemahiran
1	PK1	Darjah 6	Anyaman / Tarian / Penyanyi / Pemain Alat Muzik
2	PK2	Darjah 6	Anyaman / Tarian
3	PK3	Tingkatan 2	Anyaman / Tarian / Penyanyi
4	PK4	Darjah 1	Anyaman / Tarian

\* Nota:

PK = Peserta Kajian

PK1 merupakan ketua bagi kumpulan anyaman dan kebudayaan. Beliau berperanan sebagai ketua isi rumah. Begitu juga dengan PK3 yang berperanan sebagai ketua keluarga dalam menanggung isi rumah. Manakala PK2 dan PK4 memainkan peranan dalam menyumbang peningkatan pendapatan keluarga. PK4 hanya meneruskan anyaman dan telah berhenti untuk aktiviti kebudayaan atas faktor umur. Semua peserta kajian yang dipilih tinggal di Kampung Sungai Bumbun kerana pengembangan, penyediaan kemudahan dan pemusatan aktiviti pelancongan banyak dilaksanakan di Kampung Sungai Bumbun. Pemilihan Kampung Sungai Bumbun merupakan lambang pelancongan komuniti Mah Meri di Pulau Carey. Namun begitu,

pemilihan peserta kajian tidak dapat mewakili keseluruhan wanita suku kaum Mah Meri di kawasan lain tetapi dapatan kes kajian ini boleh disesuaikan mewakili ciri-ciri persamaan yang ada pada komuniti wanita Mah Meri yang lain.

### Hasil Kajian

Daripada hasil temu bual menunjukkan tahap pendapatan telah berubah di mana Jadual 2 menunjukkan pendapatan sebelum dan selepas terlibat dengan aktiviti pelancongan. Namun begitu, pendapatan ini hanya anggaran kasar dan jumlah pendapatan yang diperolehi adalah mengikut permintaan semasa. Oleh itu, kedatangan pelancong adalah penting dalam meningkatkan pendapatan setiap ahli komuniti di mana bayaran bukan sahaja dibuat terhadap persembahan kebudayaan tetapi termasuk pembelian cenderahati sebagai tanda ingatan. Melalui adanya kedatangan pelancong telah menyumbang pendapatan secara terus kepada peserta kajian tanpa melibatkan orang tengah.

**Jadual 2: Pendapatan Peserta Kajian Sebelum dan Selepas Terlibat dengan Aktiviti Pelancongan**

Bil.	Peserta Kajian	Pendapatan Sebelum	Pendapatan Selepas
1.	PK1	RM50	RM1000
2.	PK2	RM30	RM600
3.	PK3	RM400	RM500
4.	PK4	RM30	RM400

\* Nota:

PK = Peserta Kajian

Mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (Kasar), pendapatan yang dikategorikan miskin tegar ialah RM500 kebawah manakala pendapatan kategori miskin pula ialah RM2,208 ke bawah (KPKT, 2021). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peserta kajian telah keluar dari kategori miskin tegar. Mereka mula memainkan peranan dalam membantu pendapatan keluarga. Pada peringkat awal, pendapatan dari anyaman sangat berkurangan. Namun sekarang ia semakin meningkat apabila nama mereka semakin terkenal dan bilangan tempahan semakin bertambah. Ramai antara mereka telah memberi tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti yang berkaitan pelancongan. Justeru itu, jelas menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan telah memainkan peranan dalam membawa perubahan positif dari segi peningkatan pendapatan peserta kajian. Selain itu taraf hidup komuniti ini semakin meningkat dengan melihat perubahan keadaan sosial mereka. Penglibatan wanita suku kaum Mah Meri dalam memperolehi pendapatan melalui sektor pelancongan disebabkan melihat perubahan golongan wanita yang lain.

Ganjaran wang yang diperolehi turut menyebabkan mereka menganggap bahawa pelancong mampu memberi pendapatan kepada mereka. Galakkan ini membentuk sikap rajin berusaha dalam kalangan mereka bagi memenuhi permintaan pelancong. Bagi PK4, beliau mengambil peluang menganyam di mana-mana sahaja bagi menyiapkan tempahan. Melalui penglibatan dalam pelancongan, secara khususnya telah memberi ruang pekerjaan baru kepada golongan wanita suku kaum Mah Meri. Pendapatan merupakan salah satu motivasi kepada golongan ini untuk terus berjaya. Pendapatan yang diperolehi membuatkan mereka lebih tekun menghasilkan produk mereka, seperti PK1 mengatakan bahawa pendapatan mereka perolehi lebih kurang RM600 sehingga mencecah RM1000 sebulan termasuk barangan kecil seperti penanda buku. Manakala bagi PK4 pula, pelanggan mula membeli anyaman beliau sejak dari beliau berumur

11 tahun dan beliau mampu memperolehi pendapatan sekitar RM300 sehingga RM400 sebulan hanya dengan jualan anyaman tikar sahaja. Berbalik kepada PK1, beliau turut memainkan peranan bertindak sebagai koperasi dengan mengumpul dan membeli hasil anyaman dari penganyam wanita yang lain. Melalui usaha pembentukan koperasi dalam komuniti mampu membantu masyarakat sekitarnya memperoleh sumber pendapatan secara cepat. Menurut peserta kajian ini, mereka menyatakan bahawa sebelum ini aktiviti mereka yang lebih banyak di habiskan dengan aktiviti santai seperti berbual-bual sahaja kini tertumpu kepada aktiviti pelancongan dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan keluarga setelah mengetahui pulangan yang memuaskan.

Ia menunjukkan peranan yang dimainkan oleh sektor pelancongan dalam merubah kehidupan golongan wanita suku kaum Mah Meri ini berjaya menghasilkan pulangan yang lumayan. Hasil pendapatan yang diperoleh dapat menyumbang pendapatan keluarga yang secara tidak langsung mampu mengeluarkan mereka dari status miskin tegar dan memperolehi kemahiran interpersonal yang lebih baik.

### **Rumusan**

Hasil dapatan kajian menunjukkan sektor pelancongan banyak memainkan peranan positif membantu golongan wanita suku kaum Mah Meri dalam meningkatkan sumber pendapatan keluarga. Pelancongan bukan sahaja merubah tahap pendapatan golongan ini, malahan turut membentuk sikap positif dalam penerimaan pelancong ke penempatan mereka. Banyak perubahan yang berlaku dalam kalangan wanita suku kaum Mah Meri di mana sektor pelancongan banyak membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka termasuk dalam pembentukan sikap yang positif seperti rajin berusaha dan bermotivasi. Selain itu, melalui bidang pelancongan yang diceburi dapat melestarikan budaya hidup dan warisan nenek moyang mereka yang menjadi tarikan utama kepada pelancong.

### **Penghargaan**

Penyelidik mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang membiayai kos penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Vot K045, no rujukan geran FRGS/1/2018/SS03/UTHM/02/3 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana memberi kebenaran dan kelulusan pembentangan kertas kerja ini.

### **Rujukan**

- Asri, M. A. M., Roddin, R., & Hariri, T. I. A. A. (2018). Kejayaan Penglibatan Golongan Wanita Komuniti Orang Asli Suku Kaum Mah Meri Di Dalam Bidang Keusahawanan. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Bernama. (2019, Okt 5). JAKOA perkasa sektor pelancongan eko perkampungan Orang Asli. *Selangor Kini*. Dicapai pada Mac 7, 2020 dari <https://selangorkini.my/2019/10/jakoa-perkasa-sektor-pelancongan-eko-perkampungan-orang-asli/>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Malaysia: Akaun Satelit Pelancongan 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- JAKOA. (2016). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli: 2016-2020* Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Kementerian Kewangan (2018). *Pengurusan dan Prospek Ekonomi*. Dicapai pada Julai 20, 2021 dari <https://www.mof.gov.my/arkib/ekonomi/2018/bab1.pdf>



- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). (2021). Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Dicapai pada September 8, 2021 dari <https://www.kpkt.gov.my/>.
- Roddin, R., Yusof, Y., Mohamed Yusof, A., Ibrahim Mukhtar, M., & Muhammad Hanafi, N. (2017). Kemahiran keusahawanan orang asli suku kaum Orang Kuala di Rengit Johor dalam perniagaan barangan terpakai. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(6), 92-100.
- Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang & H., Bakar, F. D. A. (2018). Kesan Pembangunan Pelancongan Terhadap Transformasi Komuniti Orang Asli Suku Kaum Bateq di Kampung Jeram Dedari, Jerantut, Pahang. *Proceeding: International Research Conference on Humanities, Social Sciences and Technology*
- Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang, H., Bakar, F. D. A., & Hariri, T. I. A. A. (2019). Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(2), 8-16.
- Roddin, R. (2016). Transformasi dan Kejayaan Komuniti Orang Asli MAh Meri Pulau Carey dalam bidang pelancongan. Tesis Doktor Falsafah. UTM Skudai.
- Roddin, R., Yusof, Y., Ibrahim Mukhtar, M., Awang, H., Jalil, S., & Ahmad Hariri, T. I. A. (2020). Proses Pembangunan Keupayaan Keusahawanan Ketua Isi Rumah (Kir) Wanita Orang Asli. *International Journal Of Business And Economy*, 2(4), 131-145.
- Roddin, R., Mohamad, M. M., Hariri, T. I. A. A., Mukhtar, M. I., Yusof, Y., Mohamed, A., & Bakar, F. D. A. (2018). The Process of Economic Change of Indigenous People: Orang Kuala's Community Empowerment in Rengit, Johor. *Advanced Science Letters*, 24(1), 458-460.
- Mohd Shah, N., Che' Rus, R., Mustapha, R., Mohammad Hussain, M. A., & Abdul Wahab, N. (2018). Kekurangan Sumber Hasil Hutan bagi Kelestarian Pelancongan Mampan Masyarakat Orang Asli Mah Meri: Satu Kajian Kes di Pulau Carey Selangor. *Sains Humanika*, 10(3-3).
- Saputri, T. B. (2020). Wat Hat Yai Nai Sebagai Wisata Favorit Di Amphoe Hat Yai Chang Wat Songkhla Thailand.
- Sharma, B. (2019). Review of human resource practices in hospitality and tourism. *Tourism Management*, 9, 4.
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). (2018). Dicapai pada Julai 26, 2019 dari [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/.SenaraiusahawanOrangAsli](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/.SenaraiusahawanOrangAsli)